

ETIKA PELAJAR

a) Kepercayaan Kepada Tuhan

Sentiasa menunjukkan tingkahlaku yang dapat dilihat atau ditafsirkan sebagai seorang pelajar yang percaya kepada Tuhan dan bersyukur atas segala kemudahan dan nikmat yang dikurniakan.

b) Bersopan Dan Bertatasusila

Sentiasa menunjukan tingkahlaku yang dapat dilihat atau ditafsirkan sebagai seorang pelajar yang bersopan santun, berpekerti mulia, berbudi bahasa, menghormati ibu bapa, guru-guru, ketua dan rakan-rakan.

c) Kepatuhan Kepada Undang-Undang

Sentiasa menunjukan tingkahlaku yang dapat dilihat atau ditafsirkan sebagai seorang pelajar yang berdisiplin dan menghormati Peraturan & Undang-Undang, Agama, Maktab dan Negara.

d) Menghormati Masa Dan Tanggungjawab

Sentiasa menunjukan tingkahlaku yang dapat dilihat atau ditafsirkan sebagai seorang pelajar yang menepati masa, rajin dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab.

e) Mementingkan Kesihatan Dan Kebersihan

Sentiasa menunjukan tingkahlaku yang dapat dilihat atau ditafsirkan sebagai seorang pelajar yang bersih, sihat, kemas, berwibawa, berketrampilan, menghargai kebersihan dan mencintai alam sekitar.

f) Berfikiran Positif Dan Bercita-cita Tinggi

Sentiasa menunjukkan tingkahlaku yang dapat dilihat atau ditafsirkan sebagai seorang pelajar yang yakin kepada kebolehan diri sendiri, tidak mudah putus asa, berpandangan jauh, berjiwa besar, patriotik, dinamik, berdaya saing dan bercita-cita tinggi.

TANGGUNGJAWAB PELAJAR

A. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Diri Sendiri

1. Menjaga kebersihan diri, termasuk kebersihan fizikal, mental dan rohani.
2. Bersopan, jujur dan amanah.
3. Menghargai dan menepati masa.
4. Berjimat cermat bersifat sederhana dan tidak sombong.
5. Sabar, bertolak ansur dan menghormati hak orang lain.
6. Berani dan cekal hati.
7. Rajin berusaha ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran.
8. Berjuang mencapai kecemerlangan dalam semua bidang.

B. Tanggungjawab Pelajar Kepada Agama.

1. Taat kepada perintah Allah.
2. Mempertahankan kesucian Agama dalam kehidupan harian.
3. Mendalami dan mengamalkan ajaran Agama dalam kehidupan harian.
4. Menuntut ilmu sebagai memenuhi tuntutan agama.
5. Menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran.

C. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Keluarga

1. Menghormati dan menyayangi orang-orang tua dan ibu bapa.
2. Memupuk hubungan yang baik sesama ahli keluarga.
3. Memenuhi aspirasi keluarga untuk menjadi seorang yang berpendidikan dan berakhlak.
4. Menjaga nama baik keluarga.

D. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Masyarakat

1. Tolong-menolong dan bekerjasama.
2. Menghormati semua ahli masyarakat.
3. Bertolak ansur menghormati agama, pantang larang dan adat resam suku bangsa lain.
4. Bersefahaman dan bersabar.
5. Melibatkan diri dalam aktiviti khidmat masyarakat/kebajikan.

6. Bersifat kasihan terhadap sesama manusia dan haiwan serta alam sekitar.
7. Memelihara kerukunan hidup berjiran.
8. Mempertahankan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia daripada pencemaran budaya.

E. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Maktab

1. Mematuhi dan menghormati peraturan maktab.
2. Menghormati guru-guru dan kakitangan.
3. Belajar bersungguh-sungguh.
4. Meninggikan imej maktab dalam semua bidang.
5. Memupuk dan menghayati nilai-nilai moral yang tinggi.
6. Bekerjasama dan komited terhadap tugas.
7. Menceburi aktiviti-aktiviti yang disediakan di maktab.
8. Menggunakan dan menghargai kemudahan yang disediakan oleh Maktab/MARA dengan baik.

F. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Negara

1. Mencintai negara dan bersedia berkhidmat untuk mempertahankan negara.
2. Mematuhi undang-undang.
3. Mengamalkan Prinsip Rukunegara.
4. Menjaga kemudahan-kemudahan awam.
5. Menjaga dan mempertingkatkan keindahan semula jadi negara.
6. Sanggup berkorban untuk mempertahankan negara.

PERATURAN BERPAKAIAN & DISPLIN PELAJAR

ETIKA PAKAIAN

TAFSIRAN

- a. 'Pakaian Rasmi' – pakaian yang dipakai semasa menghadiri kelas pembelajaran formal dan majlis-majlis rasmi sama ada di dalam atau di luar maktab.
- b. 'Pakaian Pilihan' - pakaian yang boleh dipakai semasa menghadiri kelas pembelajaran formal, aktiviti dalaman maktab dan semasa keluar ke bandar atau pulang ke rumah.
- c. 'Pakaian Sukan dan Permainan' – pakaian yang dipakai semasa menyertai acara-acara sukan, permainan dan riadah.
- d. 'Pakaian Aktiviti ko-kurikulum' – pakaian yang dipakai semasa mengikuti aktiviti pasukan pakaian seragam, kelab atau persatuan.
- e. 'Pakaian Pendidikan jasmani' – pakaian yang dipakai semasa mengikuti kelas Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di luar bilik darjah.
- f. 'Pakaian Waktu *Prep*' - pakaian yang dipakai semasa kelas persediaan (*preparatory class*) petang atau malam yang diwajibkan pada hari persekolahan.
- g. 'Pakaian Outing' – pakaian yang dipakai semasa pelajar keluar dari kawasan maktab sama ada ke keluar bandar (outing) atau pulang ke rumah (pulang bermalam atau cuti sekolah)
- h. 'Tutup Kepala' – pakaian yang menutupi kepala seperti songkok, tudung dan sebagainya.
- i. 'Pakaian Solat Jumaat' – pakaian yang dipakai semasa pelajar lelaki pergi ke masjid untuk menunaikan Solat Jumaat.

1.1 Pematuhan Pemakaian Pelajar Lelaki

BIL	PERKARA	PELAJAR LELAKI
1	Baju Kemeja/Baju T	<ul style="list-style-type: none"> a) Baju kemeja berkolar potongan biasa sama ada berlengan panjang atau pendek dibenarkan. Lain-lain jenis baju seperti baju T berkolar, Baju T sukan atau seumpunya dibenarkan untuk aktiviti riadah sahaja. Baju T tidak berkolar tidak dibenarkan. b) Baju hendaklah disisipkan ke dalam seluar. c) Baju kemeja berlengan panjang hendaklah dibutangkan dipergelangan tangan dan tidak dibenarkan dilipat. d) Pemakaian semua jenis jaket tidak dibenarkan ke kelas akademik. Baju panas (<i>sweater</i>) dibenarkan dalam keadaan tertentu sahaja.
2	Seluar	<ul style="list-style-type: none"> a) Kain seluar '<i>slack</i>' yang dibenarkan ialah daripada jenis yang sesuai. Selain itu, kain jenis Denim, PVC, '<i>Corduroy</i>' atau kulit tidak dibenarkan. b) Pemakaian semua jenis '<i>jeans</i>' dan '<i>cotton slack</i>' tidak dibenarkan. c) Fesyen seluar '<i>slack</i>' hendaklah tidak terlalu longgar '<i>baggi</i>', '<i>slim fit</i>', terlalu ketat dan berkaki singkat tidak dibenarkan. Paras kaki seluar hendaklah melepasi bawah buku lali dan ukur lilit seluar di antara 35 cm-45 cm
3	Tali Pinggang	<ul style="list-style-type: none"> a) Tali pinggang hendaklah dari jenis kulit atau PVC b) Labar tali pinggang hendaklah di antara 2.5 cm – 3.0 cm dan berwarna hitam atau coklat tua. Tali pinggang yang berwarna-warni dan berbelang tidak dibenarkan. c) Kepala tali pinggang hendaklah tidak terlalu besar dan tidak mempunyai lambang yang tidak sesuai, seperti lambang binatang atau tulisan yang tidak sesuai dan tidak bermoral.
4	Kasut dan Stoking	<ul style="list-style-type: none"> a) Kasut hendaklah dari jenis kulit atau PVC berwarna hitam. Kasut sukan, selipar, sandal, 'boot', 'semi boot, atau lain-lain kasut yang berwarna-warni dan bercorak tidak dibenarkan ke kawasan blok pentadbiran dan blok akademik. b) Pemakaian kasut bersama stoking adalah diwajibkan. Stoking hendaklah menutupi buku lali. c) Warna stoking hendaklah berwarna hitam iaitu sesuai dan tidak berbelang-belang atau berwarna-warni

BIL	PERKARA	PELAJAR LELAKI
5	Tali Leher	a) Tali leher rasmi maktab sahaja dibenarkan. b) Tali leher hendaklah dipakai semasa upacara rasmi seperti kelas akademik, perhimpunan, majlis makan rasmi dan lain-lain.
6	Tutup Kepala	a) Hanya songkok berwarna hitam sahaja dibenarkan dipakai semasa majlis rasmi. b) Kopiah dan serban dibenarkan untuk tujuan menunaikan solat sahaja. c) Topi dan 'cap' dibenarkan untuk tujuan bersukan sahaja.
7	Rambut	a) Rambut mestilah pendek, tidak tebal, dan tidak mencecah kolar baju. b) Rambut mestilah bersih dan disikat. c) Membotakkan kepala tidak dibenarkan. (licin) d) Mewarnakan rambut tidak dibenarkan. e) Stail rambut yang keterlaluan seperti 'punk', 'trojan', skin head, bross dan lain-lain tidak dibenarkan. f) Menyimpan jambul melebihi aras kening dan ekor rambut tidak dibenarkan. g) Menggunakan gel, pengeras rambut atau minyak rambut yang berbau tengik tidak dibenarkan.
8	Misai, Janggut Dan Jambang	a) Menyimpan misai dan janggut tidak dibenarkan. b) Jambang dan ekor pipi yang dibenarkan adalah 2 cm sahaja.
9	Cermin Mata/Kanta Lepak	a) Tidak dibenarkan memakai cermin mata/kanta lekap kecuali atas nasihat doktor. b) Cermin mata hendaklah tidak berbingkai besar atau terlalu kecil dan berwarna atau berfesyen. c) Cermin mata/kanta lekap berwarna hanya dibenarkan setelah mendapat kebenaran doktor sahaja. d) Memakai cermin mata hitam/gelap tidak dibenarkan.

1.2 Pematuhan Pemakaian Pelajar Perempuan

BIL	PERKARA	PELAJAR PEREMPUAN
1	Baju dan Kain	<ul style="list-style-type: none"> a) Pelajar hanya dibenarkan memakai baju kurung untuk ke kawasan blok akademik dan blok pentadbiran. b) Pelajar bukan Islam digalakkan memakai baju kurung dan dibenarkan memakai blaus berlengan panjang serta skirt labuh melebihi paras lutut. c) Baju dan kain hendaklah tidak ketat dan jarang.
2	Tudung	<ul style="list-style-type: none"> a) Tudung hendaklah berbentuk segi tiga depan dan belakang serta dijahit di bahagian depan. b) Tudung dan anak tudung berwarna putih sahaja dibenarkan pada waktu akademik. c) Warna lain tidak dibenarkan di luar waktu akademik. d) Tudung hendaklah tidak jarang dan tidak bercorak serta menutupi bahagian dada.
3	Kasut	<ul style="list-style-type: none"> a) Kasut hendaklah jenis yang bersarung dan bukan dari jenis selipar atau sandal. b) Kasut berwarna hitam sahaja dibenarkan dipakai pada waktu akademik. c) Kasut berfesyen dan berwarna-warni tidak dibenarkan. d) Ketinggian tumit tidak melebihi 2.5 cm.
4	Rambut	<ul style="list-style-type: none"> a) Rambut hendaklah pendek, jika panjang mestilah diikat/disanggul/didandan dengan riben hitam/putih atau biru. b) Rambut tidak boleh menutupi bahagian muka. c) Rambut yang berfesyen dan berwarna tidak dibenarkan. d) Rambut mesti kemas dan bersih.
5	Muka	<ul style="list-style-type: none"> a) Memakai alat solek seperti gincu, celak dan lain-lain tidak dibenarkan. b) Mencukur bulu kening atau mencabutnya tidak dibenarkan.
6	Cermin Mata/Kanta Lepak	<ul style="list-style-type: none"> a) Tidak dibenarkan memakai cermin mata/kanta lekap kecuali atas nasihat doktor. b) Cermin mata hendaklah tidak berbingkai besar atau terlalu kecil dan berwarna atau berfesyen. c) Cermin mata/kanta lekap berwarna hanya dibenarkan setelah mendapat kebenaran doktor sahaja. d) Memakai cermin mata hitam/gelap tidak dibenarkan.

1.3 Jenis-jenis pakaian dan masa pemakaian adalah seperti berikut:

JENIS PAKAIAN	KOD PAKAIAN	
	LELAKI	PEREMPUAN
Pakaian Rasmi	Baju kemaja lengan panjang warna <i>peach</i> muda, tali leher maktab, seluar panjang warna coklat, kasut kulit/PVC warna hitam, stoking pendek warna hitam dan tanda nama	Baju kurung warna <i>peach</i> muda, kain kurung warna coklat, kasut kulit/PVC warna hitam, stoking pendek warna hitam dan tanda nama
Pakaian Pilihan	Baju kemaja lengan panjang warna biru muda, tali leher maktab, seluar panjang warna coklat, kasut kulit/PVC warna hitam, stoking pendek warna hitam dan tanda nama	Baju kurung warna biru muda, kain kurung warna coklat, kasut kulit/PVC warna hitam, stoking pendek warna hitam dan tanda nama
Pakaian Sukan dan Permainan	Seluar sukan ‘track bottom’ (Warna biru, gelap, hitam). Kemeja baju rumah sukan atau baju T tanpa bercetak berlengan panjang/pendek. Kasut kanvas putih/’track shoes’ dan berstokin. Seluar pendek tidak dibenarkan sama sekali.	Seluar sukan ‘Track Botton’ (Warna biru, gelap, hitam). Kemeja baju rumah sukan atau baju T tanpa cetak berlengan panjang. Kasut kanvas putih/’track shoes’ dan berstokin.
Pakaian Aktiviti Ko-Kurikulum	Mengikut pakaian seragam yang ditetapkan atau kemaja T berkolar tanpa cetak, berseluar panjang, ksaut sukan dan stoking.	Mengikut pakaian seragam yang ditetapkan atau baju kurung dan kain warna bebas atau baju T berkolar, lengan panjang tanpa cetak, ‘track bottom’ warna gelap, kasut sukan dan stoking.
Pakaian Pendidikan Jasmani	Seluar sukan /’Track Botton’ (Warna biru, gelap, hitam). Kemeja T baju rumah sukan. Kasut kanvas putih/’track shoes’ dan berstokin. Seluar pendek tidak dibenarkan sama sekali.	Seluar sukan /’Track Botton’ (Warna biru, gelap, hitam). Kemeja T baju rumah sukan berlengan panjang. Kasut kanvas putih/’track shoes’ dan berstokin.
Pakaian Waktu Kelas Persediaan/Kelas Tambahan (<i>Prep Petang</i>)	Pakaian rasmi atau pakaian pilihan maktab atau baju T atau baju kemaja tanpa cetak. Seluar panjang <i>slacks</i> warna gelap. Berkasut dan stoking.	Pakaian rasmi atau pakaian pilihan maktab atau baju kurung warna bebas. Berkasut dan stoking.

JENIS PAKAIAN	KOD PAKAIAN	
	LELAKI	PEREMPUAN
Pakaian Waktu Kelas Persediaan (Prep Malam)	Baju melayu, seluar panjang <i>slacks</i> warna gelap, berkasut/bersandal.	Baju kurung warna bebas. Berkasut/bersandal dan stoking.
Pakaian <i>Outing</i>	Pakaian rasmi maktab atau pakaian pilihan atau baju batik atau kemaja T rasmi maktab serta seluar panjang warna hitam/gelap, kasut kulit atau PVC warna hitam, stoking hitam dan tanda nama.	Pakaian rasmi maktab atau pakaian pilihan atau baju batik atau baju rasmi maktab. Seluar panjang labuh warna hitam/gelap, kasut kulit atau PVC warna hitam, stoking hitam dan tanda nama.
Pakaian Pulang Bermalam	Pakaian rasmi maktab atau pakaian pilihan atau baju batik serta seluar panjang warna hitam/gelap, kasut kulit atau PVC warna hitam, stoking hitam dan tanda nama.	Pakaian rasmi maktab atau pakaian pilihan atau baju batik. Seluar panjang labuh warna hitam/gelap, kasut kulit atau PVC warna hitam, stoking hitam dan tanda nama.
Tutup Kepala	Songkok baldi berwarna hitam	Tudung berwarna putih, berbentuk segi tiga di hadapan dan belakang serta dijahit di depan (bercantum)
Pakaian Solat Jumaat	Baju melayu rasmi maktab putih bersamping rasmi maktab di luar dan berbutang baju melayu. Songkok hitam/biru. Kasut atau sandal	

1.4 PAKAIAN LARANGAN

Pada bila-bila masa dan di mana-mana juga di dalam kawasan maktab, pelajar dilarang memakai /memiliki /menyimpan pakaian seperti berikut:

- Semua jenis pakaian yang ditafsirkan sebagai menjolok mata atau pakaian yang mendedahkan aurat mengikut tafsiran Islam atau pakaian ketat yang memperlihatkan anggota tubuh badan pemakainya atau pakaian yang ditafsirkan sebagai seksi atau bertentangan dengan nilai-nilai budaya dan mora masyarakat kecuali ditempat-tempat tertentu kepada jantina yang berlainan atau dengan kebenaran khas atas sebab-sebab keselamatan.
- Baju atau pakaian yang mempunyai:
 - i. gambar orang seperti penyanyi, penghibur, pemimpin, ahli sukan dan sebagainya.
 - ii. gambar-gambar lucu.
 - iii. gambar-gambar yang bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya Malaysia.
 - iv. gambar-gambar yang bertentangan dengan kepentingan maktab atau MARA atau negara
- Baju atau pakaian yang bertulis dengan tulisan atau lakaran yang lucu, ganas atau bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya Malaysia dan kepentingan maktab dan negara.
- Semua jenis *jeans*, *cotton slacks*, jaket dan jubah kecuali kot makmal ketika melakukan kerja berkaitan atau jubah untuk mengerjakan “solat” atau di tempat-tempat berkenaan.
- Tali pinggang berwarna-warni, *rugged*, berkepala besar dengan tulisan atau lakaran reka bentuk binatang, lucu, ganas dan sebagainya.
- Sebarang jenis ikatan/lilitan kepada kepala kecuali serban untuk melakukan solat.
- Berpakaian separuh bogel (tidak memakai baju, berkemban, memakai tuala mandi sahaja), berkaki ayam (tidak memakai alas kaki/kasut) ditegah kecuali dalam bilik mandi/ asrama atau di tempat-tempat yang dilarang memakai kasut.
- Mengenakan sebarang jenis pakaian yang dianggap tidak sesuai / tidak wajar dipakai oleh pelajar sekolah.
- Mengenakan atau memakai baju “T” yang tidak berkolar.
- Mengenakan pakaian yang kotor, koyak (sengaja/tidak) atau selekeh.

2 KAD MATRIK PELAJAR ATAU TANDA NAMA

Semua pelajar dikehendaki memakai kad matrik semasa kelas akademik atau upacara rasmi maktab. Tanda nama tersebut tidak boleh ditukar ganti dengan kawan. Tanda nama tersebut tidak boleh diubahsuai atau diconteng dan tidak boleh mempunyai nama dalam bentuk samaran.

3 PERATURAN KELUAR/OUTING

3.1 Para pelajar dibenarkan keluar ke bandar pada Hujung Minggu seperti berikut;

- a. Hari AHAD ➤ 8.00 pagi hingga 5.00 petang (hanya bersama ibu bapa)
- b. Cuti Am ➤ Dengan kebenaran Pengetua/Tim. Pengetua PP /
Ketua Guru Asrama/Guru Asrama bertugas

- * Nota : 1. Pelajar lelaki & perempuan akan keluar bergilir-gilir mengikut minggu yang telah ditetapkan.
2. Pelajar yang ingin keluar selain dari waktu yang ditetapkan hendaklah bersama ibu bapa atau guru (dimaklumkan kepada KGA) dan mesti mendapat kebenaran Pengetua/ Timbalan Pengetua terlebih dahulu.

3.2 Keluar Ke Bandar Pada Hari Persekolahan.

- a) Untuk keluar ke bandar pada hari persekolahan, kebenaran khas secara bertulis perlu diperoleh daripada Pengetua atau Timbalan Pengetua semasa waktu kelas akademik.
- b) Diluar waktu kelas akademik, selain daripada Pengetua dan Timbalan Pengetua kebenaran boleh juga diperoleh dari Ketua Guru Asrama.
- c) Di dalam kedua-dua perkara di atas, pelajar hendaklah berurusan dengan Ketua Guru Asrama atau Guru Asrama Bertugas untuk pengesahan (sign) di dalam buku keluar/*outing* dan buku berkenaan diserahkan di pondok pengawal. Buku tersebut perlu diambil semula apabila pelajar ke maktab.

3.3 Pelajar perlu mematuhi tatacara keluar ke bandar / outing iaitu;-

- a) Untuk keluar ke bandar pada hujung minggu, buku keluar (*outing*) pelajar perlu diisi dengan lengkap dan ditandatangani oleh guru asrama bertugas. Buku tersebut hendaklah diserahkan kepada pengawal di pondok pengawal. Pelajar perlu mengambil semula buku keluar (*outing*) berkenaan apabila pulang ke maktab.
- b) Para pelajar pula perlu mematuhi giliran keluar ke bandar seperti yang ditetapkan. Sekiranya pelajar perlu keluar pada hari bukan gilirannya keluar, kebenaran khas perlu diperoleh terlebih dahulu daripada Pengetua atau Timbalan Pengetua Hep atau Ketua Guru Asrama. Untuk ini pelajar perlu menulis surat permohonan kebenaran keluar ke bandar.
- c) Untuk keluar pada hari Ahad / Cuti Am (bersama keluarga), kebenaran perlu diperoleh oleh guru asrama bertugas/ Ketua Guru Asrama. Pelajar hanya dibenarkan keluar selepas jam 8.00 pagi.
- d) Para pelajar dikehendaki berpakaian seragam maktab / batik maktab / baju *outing* maktab apabila keluar dari kawasan maktab, samada keluar bersendirian ataupun dengan keluarga.
- e) Semasa dibandar, pelajar-pelajar tidak boleh mengunjungi tempat-tempat seperti berikut:-

- ✓ Pusat-pusat permainan hiburan yang memiliki alat permainan 'Billiard', mesin 'Pin Ball', Video Games dan 'Snooker'.
 - ✓ Semua tempat permainan 'Bowling'
 - ✓ Semua kelab malam, bar, disko dan sebagainya.
 - ✓ Semua tempat pelacuran atau pusat-pusat kesihatan yang bertujuan seumpamanya.
- f) Pelajar-pelajar mestilah menunjukkan kelakuan yang baik semasa berada di luar kawasan maktab untuk tujuan menjamin keselamatan diri sendiri dan menjaga nama maktab.
- g) Pelajar hanya dibenarkan keluar dengan ibu bapa masing-masing sahaja. Keluar outing tanpa ibu bapa adalah menjadi kesalahan kepada pelajar dan jika pelajar keluar outing tanpa ibu masing-masing sekiranya apa-apa perkara berlaku sewaktu pelajar outing seperti kemalangan atau sebagainya, pihak maktab tidak akan bertanggungjawab.

3.4 Keluar ke Bandar Pada Waktu-waktu Lain.

- a) Pelajar-pelajar tidak dibenarkan keluar daripada masa-masa yang telah ditetapkan. Kelulusan bertulis perlulah diperolehi daripada Pengetua / Timbalan Pengetua PP / Ketua Guru Asrama jika didapati keadaan memerlukan. Contoh : keluar bersama guru penasihat atau guru asrama.

3.5 Peraturan Keluar Dari Kawasan Maktab.

- a) Mendapatkan kelulusan daripada Pengetua/Timbalan Pengetua PP / KA / Ketua Guru Asrama.
- b) Serahkan senarai nama kepada Timbalan Pengetua PP, Ketua Guru Asrama dan Pengawal Bertugas.
- c) Guru dikehendaki mengiringi pelajar pergi dan balik.
- d) Tidak dibenarkan keluar pada waktu akademik dan prep kecuali mendapat kelulusan.
- e) Tidak dibenarkan ke Bazar Ramadan tanpa kebenaran.

4 PERATURAN BALIK BERMALAM Hujung MINGGU

- 4.1 Pelajar-pelajar dibenarkan balik bermalam sekali dalam satu bulan atau mengikut jadual balik bermalam yang telah ditetapkan kecuali bagi kes-kes kecemasan.
- 4.2 Bagi pelajar yang ingin bermalam di rumah atau keluarga, ibu bapa bolehlah datang menjemput pelajar dengan surat kebenaran selepas aktiviti pelajar berakhir. Waktu dan hari yang ditetapkan ialah Jumaat selepas jam 2.00 petang. (Catatan : Sekiranya pelajar-pelajar pulang ke kampung bersendirian di atas permintaan ibu/bapa atau penjaga, pihak maktab tidak bertanggungjawab atas keselamatan pelajar tersebut semasa dalam perjalanan)
- 4.3 Surat permohonan balik daripada ibu bapa/penjaga mestilah diterima oleh pihak maktab sebelum sesuatu permohonan balik dapat diluluskan oleh pihak maktab.
- 4.4 Permohonan mestilah tiba selewat-lewatnya pada hari Selasa minggu Cuti Hujung Minggu berkenaan sebelum permohonan tersebut diluluskan. Permohonan lewat atau permohonan menerusi telefon tidak akan dilayan.
- 4.5 Pelajar mestilah membawa buku keluar (*outing*) maktab untuk disahkan dan ditandatangani oleh Ketua Guru Asrama / Guru Asrama bertugas pada setiap kali permohonan diluluskan.

- 4.6 Dalam masa kecemasan, pelajar-pelajar mestilah mendapat kebenaran khas daripada Pengetua/Penolong Pengetua HEP dengan menyimpan surat/telegram/kehadiran keluarga.
- 4.7 Pengesahan bermalam hendaklah dibuat sendiri oleh ibu bapa/penjaga pelajar dengan menandatangani buku keluar (*outing*) untuk balik bermalam dan mengisi butiran alamat balik bermalam di ruang yang telah disediakan.
- 4.8 Buku keluar (*outing*) yang telah siap diisi dan ditandatangani oleh Ketua Guru Asrama / Guru Asrama bertugas hendaklah ditunjukkan kepada Pengawal untuk disimpan sebelum pelajar mendapat kelulusan keluar/balik kampung.
- 4.9 Pelajar-pelajar hendaklah melapor diri semula selewat-lewatnya pada 5.00 petang pada hari Ahad setiap hujung minggu yang telah diberikan. Pelajar-pelajar yang lewat melapor diri akan dikenakan tindakan disiplin oleh pihak maktab. [Catatan : Pelajar-pelajar tidak dibenarkan sama sekali menandatangani sendiri kad keluar/*outing* pelajar. Jika sabit kesalahan tindakan yang serius akan dikenakan kepada pelajar berkenaan.
- 4.10 Waktu keluar terawal sesuatu permohonan balik dapat diluluskan oleh Ketua Guru Asrama / Guru Asrama bertugas ialah Jumaat selepas jam 2.00 petang. Masa-masa sebelum itu tidak akan dilayan.
- 4.11 Pelajar hanya dibenarkan balik bermalam dengan ibu bapa masing-masing sahaja. Balik bermalam bukan dengan ibu bapa masing-masing tanpa pengetahuan dan kebenaran adalah menjadi kesalahan kepada pelajar dan jika pelajar balik bermalam tanpa ibu masing-masing sekiranya apa-apa perkara berlaku sewaktu pelajar dalam perjalanan balik bermalam seperti kemalangan atau sebagainya, pihak maktab tidak akan bertanggungjawab.

5 MASA LAWATAN IBU BAPA

Masa lawatan Ibu Bapa pelajar ialah:

Sabtu	: 12.30 pagi hingga 5.00 petang
Ahad/Cuti Am	: 8.00 pagi hingga 5.00 petang

* Nota :

- Ibu Bapa / Pelawat tidak dibenarkan masuk ke kawasan asrama putera dan puteri bagi menjaga keselamatan dan keselesaan pelajar.
- Ibu Bapa / Pelawat hanya dibenarkan menunggu / berjumpa anak-anak / pelajar di pondok / di tempat-tempat yang dikhaskan.
- Ibu Bapa tidak dibenarkan berada dalam kawasan maktab selain daripada waktu melawat yang telah ditetapkan.

6 PERATURAN KELAS PERSEDIAAN (*PREPARATION HOURS, PREP*)

a) Pelajar **MESTI HADIR** dan berada dalam asrama/bilik yang telah ditetapkan iaitu:

Isnin – Jumaat	:	2.30 petang – 3.30 petang 8.00 malam – 9.30 malam
Sabtu	:	10.30 pagi – 12.30 tengah hari
Ahad/cuti am	:	8.00 malam – 9.30 malam

- b) Pelajar tidak dibenarkan menggunakan telefon bimbit (untuk tujuan selain daripada belajar), majalah atau bahan-bahan bukan akademik.
- c) Pelajar tidak dibenarkan berada di luar asrama pada waktu kelas persediaan.
- d) Aktiviti-aktiviti seperti jamuan, mesyuarat dan sebarang perjumpaan tidak dibenarkan pada waktu kelas persediaan kecuali kebenaran secara bertulis daripada Pengetua / Timb.Pengetua Kecemerlangan Akademik / Timb.Pengetua Pembangunan Pelajar / Ketua Guru Asrama dan hendaklah dimaklumkan kepada guru asrama bertugas harian.
- e) Pakaian semasa persediaan tertakluk kepada kod pakaian.
- f) Pelajar yang sakit hendaklah berada di Bilik masing-masing.

PERATURAN KESELAMATAN DI ASRAMA

1. PERATURAN KESELAMATAN

1.1 Penggunaan Peralatan Elektrik

- a) Semua peralatan elektrik persendirian tidak boleh digunakan.
- b) Water-heater” tidak dibenarkan penggunaannya di asrama.
- c) Hanya seterika elektrik yang disediakan oleh pihak maktab di bilik utiliti sahaja yang boleh digunakan.
- d) Sambungan secara haram ke sebarang alat elektrik tidak dibenarkan.
- e) Pastikan plug ditanggalkan dari soket setelah digunakan.
- f) Jangan gunakan sebarang peralatan elektrik semasa kilat.
- g) Pastikan semua suis dimatikan / ditutup selepas anda menggunakan elektrik atau sebelum meninggalkan asrama.
- h) Sebarang kerosakan berkaitan elektrik hendaklah dilaporkan segera kepada guru asrama. Jangan cuba baiki sendiri.
- i) Jangan sentuh sebarang alat elektrik yang sedang digunakan jika tangan anda basah.

**** Nota : Semua barangan elektronik seperti ‘power bank, pemanas air dan sebagainya tidak boleh berada di dalam kawasan asrama.***

1.2 Peraturan Penggunaan Telefon Pintar/Bimbit/Laptop persendirian:

- a) Telefon Pintar/Bimbit asas yang mempunyai fungsi memanggil dan menerima panggilan serta boleh membuat pesanan ringkas (SMS) /Laptop dibenarkan.(tidak diwajibkan / tidak dipaksa)
- b) Telefon pintar/ bimbit asas/laptop hendaklah didaftarkan dan diperiksa oleh pihak pengurusan asrama. Borang pendaftaran boleh didapati di bilik guru asrama.
- c) Penggunaan telefon pintar/bimbit asas/laptop adalah dilarang pada masa-masa dan tempat berikut;
 - ★ Waktu Kelas Akademik (kecuali dengan kebenaran guru)
 - ★ Waktu Kelas Persediaan
 - ★ Surau

- ★ Semasa Program Rasmi Maktab
- ★ Semasa semua aktiviti maktab
- ★ Selepas lampu dipadamkan (*lights off*)

d) Kegagalan dalam mematuhi peraturan di atas akan menyebabkan telefon pintar/bimbit asas /laptop dirampas dan hanya boleh dituntut pada hujung tahun iaitu pada hari terakhir persekolahan berserta surat tuntutan daripada ibubapa / Penjaga.

*** Nota : Sebarang kehilangan, kerosakan, kecacatan telefon pintar/bimbit/laptop adalah tanggungjawab pelajar. Pihak maktab tidak akan bertanggung jawab sekiranya perkara-perkara di atas berlaku kepada pelajar.**

1.3 Peralatan Keselamatan Diri / Harta Benda Semasa Kebakaran.

- a) Bila anda mendengar isyarat berlaku kebakaran/terhidu bau asap, perkara pertama yang mesti dilakukan ialah menyelamatkan nyawa anda dan rakan anda.
- b) Segera beri amaran kepada rakan asrama. Menjerit sekuat mungkin perkataan “Api...Api...Api...”
- c) Sila hubungi bomba yang berhampiran.
- d) Selamatkan barang-barang berharga kepunyaan anda seperti kad pengenalan, sijil-sijil penting, buku-buku dan wang jika anda berupaya membawanya dengan mudah. Jika kebakaran sudah marak lupakan barang-barang tadi dan anda perlu menyelamatkan nyawa anda dahulu.
- e) Jika anda mengetahui ada rakan anda tidak berupaya untuk bergerak keluar dari kolej disebabkan pengsan, cedera atau sebagainya, bantulah beramai-ramai dengan membawanya keluar.
- f) Keluar dari asrama secepat mungkin melalui pintu yang berhampiran dengan anda.
- g) Bergeraklah dengan pantas tetapi teratur meninggalkan asrama menuju ke tempat yang ditetapkan (Assembly Point).

1.4 Keselamatan Wang Di Asrama.

- a) **Wang Tunai :**
 - ✓ Pelajar tidak dibenarkan menyimpan sendiri wang tunai melebihi RM20.00.
 - ✓ Wang tunai yang berlebihan mesti disimpan dalam bank koperasi atau kepada penasihat homeroom/guru asrama.
 - ✓ Dompet dan wang pelajar mestilah disimpan ditempat yang selamat dan berkunci sekiranya ditinggalkan.
 - ✓ Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menjaga keselamatan harta benda masing-masing.
- b) **Kad ATM (Buku Akaun/Juwara/Giro)**
 - ✓ Semua Kad ATM/Kad Kredit mesti disimpan di tempat yang selamat.
 - ✓ Jangan simpan nombor PIN bersama-sama dengan kad ATM/kad kredit.
 - ✓ Pelajar digalakkan menyimpan kad ATM/kad kredit kepada guru penasihat homeroom / guru asrama.
 - ✓ Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk melaporkan kehilangan kad ATM dengan segera.

1.5 Keselamatan Umum.

- a) Penggunaan lingkaran ubat nyamuk, pelita dan lilin TIDAK dibenarkan.
- b) Setiap penghuni asrama seharusnya tahu menggunakan alat pemadam api semasa kebakaran berlaku.
- c) Jika berlaku kecemasan sila maklumkan kepada warden/ketua warden/ pengawal keselamatan dengan segera.
- d) Kemudahan 'first aid' boleh didapati daripada warden/Bilik rawatan/pejabat warden/ketua warden/pondok pengawal.
- e) Pelajar yang sakit dibenarkan tinggal di bilik sakit (waktu pejabat) sehingga disahkan sembuh oleh doktor.
- f) Pelajar tidak dibenarkan menaiki kenderaan atau menumpang atau keluar bersama orang yang tidak dikenali untuk ke mana-mana destinasi semasa outing/pulang bermalam.

2. PERATURAN DI BILIK SAKIT.

- 2.1 Pelajar yang sakit dan telah mendapat rawatan hendaklah melaporkan diri kepada guru asrama bertugas dengan menunjukkan surat kenyataan sakit. Sekiranya pelajar tidak berdaya, pelajar perlu mendapatkan bantuan daripada kawan-kawan untuk melaporkan kepada pegawai yang berkenaan (Pegawai Tadbir Asrama).
- 2.2 Pelajar yang sakit tidak dibenarkan berada di asrama pada waktu-waktu persekolahan.
- 2.3 Pelajar yang hendak keluar dari bilik sakit ini wajib memberitahu pada pegawai yang berkenaan (Pegawai Tadbir Asrama) atau guru asrama bertugas.
- 2.4 Kebersihan dan kekemasan bilik ini hendaklah sentiasa di jaga.
- 2.5 Jangka masa tinggal di Bilik Sakit tertakluk kepada keperluan dan jenis penyakit.
- 2.6 Penyakit berjangkit:
 - a) Pelajar berkenaan dibenarkan pulang ke rumah setelah mendapat pengesahan doktor dan kebenaran dari Pengetua / Timbalan Pengetua / Ketua Guru Asrama.
 - b) Pelajar berkenaan dibenarkan tinggal di bilik sakit sehingga dia disahkan sembuh.